

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KE-13 (2017)**

**PERTANYAAN : PERTANYAAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN M. KULA SEGARAN A/L V.**  
**MURUGESON [IPOH BARAT]**  
**TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)**  
**SOALAN :**

**YB Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [Ipoh Barat]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional di sebalik penubuhan MyEG. Adakah perlu penambahan birokrasi dan karenah untuk orang awam supaya individu-individu tertentu menjadi lebih kaya.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah projek e-Khidmat bermula tahun 2000, orang awam mudah untuk berurusan dengan Kerajaan melalui pelbagai saluran elektronik seperti kiosk, *interactive voice response* (IVR) / telefon dan perkhidmatan Internet / web. MyEG adalah di antara pembekal perkhidmatan yang membekalkan perkhidmatan di bawah projek e-Khidmat tersebut.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh MyEG merupakan satu **saluran alternatif** sistem penyampaian perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan kepada orang awam untuk mendapatkan perkhidmatan Kerajaan. Perkhidmatan yang ditawarkan dapat menjimatkan masa dan kos kepada orang awam berurusan dengan Kerajaan. MyEG juga **menawarkan perkhidmatan nilai tambah** seperti serahan dokumen fizikal kepada orang awam ke lokasi yang ditetapkan. Orang awam yang berurusan dengan MyEG hanya dikenakan caj yang minimum bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.

Tidak timbul penambahan kerenah dan birokrasi kepada orang awam kerana proses yang perlu dilalui oleh orang awam hampir sama dengan proses yang perlu dilalui semasa berurusan secara terus dengan Kerajaan. Oleh itu, perkhidmatan yang ditawarkan oleh MyEG masih lagi relevan sebagai pilihan bagi kemudahan rakyat dalam berurusan dengan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATO' ABDUL AZIZ BIN SHEIKH  
FADZIR [KULIM/BANDAR BARU]**  
**TARIKH** : **23 MAC 2017 [KHAMIS]**  
**SOALAN** : **21**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah kajian penerbitan yang telah dihasilkan oleh saintis negara yang telah menjadi rujukan di peringkat antarabangsa sehingga kini dan apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan lagi penghasilan hasil kajian saintis tempatan yang bertaraf antarabangsa bagi tujuan pengkomersialan di peringkat global.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sejak 1996 sehingga 2016, sejumlah 361,551 penerbitan telah dihasilkan oleh saintis negara (penulis yang beralamat di Malaysia) dan diindekskan dalam pangkalan data Scopus. Tiga (3) bidang utama yang menyumbang kepada jumlah penerbitan tersebut adalah Kejuruteraan, Sains Komputer dan Perubatan. Daripada penerbitan berkenaan, sebanyak 2,148,135 *citation* bagi tempoh tersebut telah direkodkan (data diakses pada 27 Februari 2017).

## Tuan Yang di-Pertua,

Antara usaha-usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk meningkatkan lagi penghasilan kajian yang berpotensi untuk dikomersialkan adalah menerusi langkah-langkah berikut:

### (i) Tahun Pengkomersialan Malaysia 2.0 (MCY 2.0)

Selaras dengan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) yang dilaksanakan sejak tahun 2016, MOSTI telah mengambil langkah pro-aktif dengan menjemput semua Jabatan dan Agensi Kerajaan untuk mengemukakan senarai produk/teknologi yang berpotensi untuk dikomersialkan. Melalui proses *due diligence* yang dilaksanakan dengan MOSTI bersama Jabatan/Agensi berkenaan, sebanyak lima (5) daripada 130 produk/teknologi yang dikomersialkan telah berjaya menembusi pasaran luar Malaysia. Produk-produk tersebut adalah ***Feminine Mist*** daripada syarikat Furley Bioextracts Sdn.Bhd., ***Irrigated Rice Production*** dan ***Nutrима Cell Code*** daripada MARDI, ***Mi-TRACE*** daripada MIMOS serta ***Intelligent Circulating while Drilling (iCWD)*** daripada syarikat MIT Innovation Sdn. Bhd.

Fasa pelaksanaan MCY 2.0 dilaksanakan sehingga tahun 2019 dimana tumpuan utamanya adalah bagi memantapkan ekosistem pengkomersialan, termasuk penerokaan dalam *niche market* (dengan izin) dan mempergiat pasaran produk R&D&I di peringkat global;

### (ii) Program Bioekonomi

Program Transformasi Bioekonomi (BTP) merupakan kerangka untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara

bioekonomi berpendapatan tinggi melalui ekosistem R&D dan pengkomersialan yang lestari dalam bidang bioteknologi pertanian, penjagaan kesihatan dan bioteknologi industri. Sehingga Disember 2016, BTP mempunyai sejumlah 12 Projek Permulaan (EPP) dan 61 projek *trigger* dalam sektor bio-pertanian, bio-perubatan dan bio-industri. Adalah dijangka program ini berupaya menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM6.2 bilion pada tahun 2020, menyediakan 26,550 peluang pekerjaan dan pelaburan terkumpul sebanyak RM18.6 billion.

Di samping itu, pinjaman mudah (*soft loan*) BTP sebanyak RM27.25 juta telah diluluskan sehingga Disember 2016 kepada syarikat-syarikat BTP yang layak, untuk membantu pembangunan industri bioteknologi negara.

Antara program lain yang dilaksanakan bagi membantu usahawan tempatan berkaitan aspek pengkomersialan dalam negara adalah seperti Program Bioshoppe, Program Bionext, Program Superb serta Program Bionexus Partners (BNP); dan

**(iii) Pendaftaran IP di Peringkat Antarabangsa**

MIMOS Berhad iaitu salah satu agensi di bawah MOSTI telah memfailkan sebanyak 87 paten pada tahun 2016, sekaligus menjadi pemfail paten terbesar bagi tahun tersebut. MIMOS Berhad telah menduduki tempat ketiga teratas memfailkan paten di Malaysia mulai tahun 2007 hingga 2016. MIMOS Berhad juga telah tersenarai sebagai enam (6) organisasi teratas di peringkat global (*Global Recognition for Highest Patent Standing*) dengan mencapai paten tertinggi dalam kategori '*Government and Research Institutions*'

oleh *World Intellectual Property Organisation* bagi tahun 2014-2015.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Malaysia sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam usaha untuk meningkatkan penerbitan saintifik sebagai rujukan di peringkat antarabangsa. Selain itu, kementerian turut berusaha menyediakan pelbagai medium yang mampan dalam mengkoordinasikan hasil kajian R&D bagi tujuan pengkomersialan dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih